

05 JUL 1996

PERDANA MENTERI HADIRI TAKLIMAT MENGENAI PEMBANGUNAN JOHOR

JOHOR BAHARU, 5 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tiba petang semalam, menghadiri taklimat tertutup mengenai pembangunan Johor di Bilik Tayangan Tun Hussein Onn di Bukit Timbalan di sini, pagi ini.

Taklimat itu ialah mengenai pembangunan semula Bandaraya Johor Baharu, Projek Kota Raya II, pembangunan tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad serta jambatan kedua ke Singapura dan Bandar Nusajaya di Gelang Patah.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan dengan Badan Perhubungan UMNO Johor serta Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Johor.

Pada pukul 11.30 pagi, Perdana Menteri akan meletakkan batu asas dan menanam cerucuk projek "JB Waterfront City" di Selat Tebrau di sini yang bernilai RM6,000 juta yang dimajukan oleh Johor Coastal Development Sdn Bhd, anak syarikat Pilecon Engineering Bhd.

Beliau kemudian akan dibawa menaiki helikopter untuk meninjau kemajuan pembinaan jambatan laluan kedua Malaysia-Singapura serta pelabuhan kedua di Gelang Patah sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamek Tampok, Pontian dan menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di perkarangan masjid itu.

Selepas itu, Dr Mahathir akan bertolak ke Parit Betak, kira-kira tujuh minit perjalanan dengan kereta, untuk melancarkan program menaikkan taraf jalan-jalan kampung di Johor, yang dilaksanakan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ), anak syarikat kerajaan negeri.

Di situ, Perdana Menteri akan menunggang basikal sejauh satu kilometer melalui Jalan Parit Betak sebelum berkereta ke Sekolah Menengah Parit Betak untuk melancarkan Program Gerak Mesra peringkat negeri Johor. -- BERNAMA

MKO PR